

JURNAL BAHASA

Jilid 13 Bil. 2 Disember 2013 ISSN: 1511-9084 KK:499-91413-1213

KANDUNGAN


- Kata Kerja Bersiri dalam Bahasa Melayu** 179
Rogayah A. Razak
Norizan Rajak
- Klasifikasi *Aktionsart* Predikat Keadaan Bahasa Melayu** 192
Noraini Salleh
Maslida Yusof
Karim Harun
- Analisis Fonologi Autosegmental dalam Proses Penyebaran
Fitur Geluncuran Dialek Melayu Saribas** 217
Noor Azureen Hamid @ Ahmed
Tajul Aripin Kassin
- Penanda Wacana dalam Teks Melayu Lama Berunsur Sejarah** 243
Mohammad Fadzeli Jaafar
- Ucap Selamat, Ungkapan Anomali namun Dimengerti dalam
Komunikasi: Penjelasan dari Perspektif Pragmatik** 259
Hasmidar Hassan
- Strategi Penterjemahan Nilai dan Kepercayaan
dalam Novel *Sungai Mengalir Lesu*** 273
Nur Hafeza Ahmad Marekan
Goh Sang Seong
- Pelaksanaan Elemen Sastera dalam Pengajaran dan
Pembelajaran Seni Bahasa Kurikulum Standard Sekolah
Rendah** 292
Shamsudin Othman
Abdul Rasid Jamian
- Ulasan Buku**
Struktur dan Makna dalam Bahasa 313
Idris Aman

ULASAN BUKU

Mukhlis Abu Bakar 2010. *Struktur dan Makna dalam Bahasa*, 216 halaman, ISBN 978-983-46-1232-6.

Pengulas: Idris Aman
idrisa@ukm.my

Program Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia



PENDAHULUAN

Linguistik ialah ilmu yang digunakan untuk memahami dan menghuraikan bahasa secara saintifik. Pemahaman akan gelagat bahasa menjadikan manusia mengetahui cara bahasa berfungsi dan dalam masa yang sama memahami cara manusia memanfaatkan bahasa, di samping memahami tentang manusia itu sendiri. Usaha memahami dan menghuraikan bahasa tidak pernah berkesudahan dan penghuraian yang lebih baik sentiasa dituntut. Usaha memahami dan menghuraikan bahasa sentiasa perlu dilakukan kerana sifat bahasa yang dinamik dengan peredaran zaman, tamadun, dan peradaban penuturnya.

Apabila menelaah buku *Struktur dan Makna dalam Bahasa* pengulas berasa sungguh teruja kerana di Kota Singa yang serba maju dan kosmopolitan itu, serta yang mengutamakan bahasa Inggeris, masih ada sarjana linguistiknya yang gigih menulis dan menerbitkan buku ilmiah dalam bidang tersebut dalam bahasa Melayu. Usaha sedemikian sangat murni, sekali gus membantu meningkatkan pemahaman dalam bidang linguistik kepada penuntut dan pembaca lain yang mengkaji bahasa sebagai subjek penelaahan dalam bahasa yang difahami oleh lebih 200 juta manusia itu. Yang lebih menarik lagi ialah data huraianya juga dalam bahasa Melayu.

Penghasilan buku ini merupakan refleksi daripada pengalaman panjang pengarang memberi kuliah di Institut Pendidikan Nasional

Singapura, di samping jalinan pencerapannya terhadap buku nahu yang ada. Daripada pengamatannya yang tajam terhadap dua sumber tersebut, beberapa penjelasan alternatif, baharu, dan rapi diutarakannya, misalnya tentang morfem dan pola ayat.

Struktur dan makna dalam bahasa membicarakan secara jelas serta eklektik akan hakikat dan selok bahasa dari dua dimensi utama, iaitu bentuk dan maknanya. Dalam linguistik, dimensi pembicaraan yang dilakukan itu boleh dikategorikan kepada subbidang sintaksis dan semantik. Dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai data bagi penghuraian dan penjelasannya, cara ilmu linguistik memahami bahasa bekerja atau beroperasi mampu dikendalikannya dengan baik. Pendekatannya cenderung kepada berhujah dan menjawab secara penerangan berserta dengan contoh bagi hujah yang diutarakan. Sepanjang diketahui, tidak ada lagi buku ilmiah yang membicarakan subbidang sintaksis dan semantik secara lengkap dan bergandingan sebegini dalam bahasa Melayu. Jika ada pun buku yang menerangkan sistem ayat atau nahu, khususnya nahu bahasa Melayu yang lebih merupakan buku teks pegangan, seperti *Tatabahasa Dewan* oleh Nik Safiah *et al.* (2009) atau *Nahu Melayu Mutakhir* oleh Asmah (1993); atau pembahasan aspek nahuan tertentu sahaja, seperti Hashim (1990) dan Ramli (1995).

Buku ini dapat digolongkan dalam kajian struktur yang menganggap bahasa sebagai suatu sistem mujarad, iaitu suatu pendekatan terhadap pengajian bahasa yang masih dominan di universiti. Pendekatan sebegini mungkin tidak disenangi oleh mereka yang lebih selesa dengan pendekatan sosial atau yang mengambil kira aspek fungsional.

Perbincangan diorganisasikan kepada tiga bahagian. Pada Bahagian 1 diperkenalkan ilmu linguistik secara am, meliputi cara mempelajari gelagat bahasa dari segi bentuk atau strukturnya. Bahagian 2 berkaitan dengan sintaksis yang disusun kepada 5 bab, iaitu Bab 2-6. Seperti kelaziman dalam huraian nahu secara struktur, penerangan dan penjelasan tentang struktur nahu turut dimulakan dengan beberapa kategori nahuan asas secara menaik, iaitu golongan kata, morfem dan struktur kata, konstituen dan struktur frasa, dan klausa dan struktur ayat. Yang menjadikan buku ini agak istimewa ialah kewujudan Bab 6 yang berjudul “Hubungan Tatabahasa”. Dalam bab ini digandingkan penjelasan tentang fungsi sintaksis dengan fungsi semantik ayat. Asas penjelasannya ialah fungsi sintaksis dan peranan semantik merupakan dua hubungan tatabahasa yang bebas dan tidak boleh disamakan. Kriteria semantik berupaya menghasilkan pemerihal lebih

kemas tentang ayat. Pengarang memanfaatkan kaedah “struktur argumen” untuk menerangkan perantara dua hubungan tersebut.

Bahagian 3 khusus mengenai aspek semantik. Dalam linguistik, cabang pengkajian tentang makna yang dinamakan “semantik” merupakan salah satu cabang yang rumit dipelajari. Hal ini demikian kerana konsep makna begitu luas dan meliputi pelbagai aspek. Untuk itu, bahagian ini dipecahkan kepada tiga bab, iaitu “Makna Ungkapan Bahasa”, “Analisis Semantik”, dan “Perlakuan Pertuturan” yang merupakan antara beberapa aspek yang menarik minat ahli bahasa dan falsafah sekian lama. Dalam Bab 7 dihuraikan beberapa konsep aspek pemaknaan, seperti pertalian makna, perkaitan kebenaran, bahasa, situasi dan dunia, dan bahasa dan komunikasi. Dalam Bab 8, dijelaskan hubungan makna dengan unit kata. Secara biasa, makna ungkapan difahami melalui intuisi. Walau bagaimanapun pengarang menegaskan bahawa intuisi tidak memadai untuk meleraikan soal makna. Faktor situasi, perselangan makna, dan kekomposisian turut berperanan untuk meleraikan soal makna ungkapan. Pengarang menjelaskan cara makna dileraikan melalui analisis makna leksikal dan tatabahasa dengan contoh analisis terhadap kata kerja. Pada bab akhir, perbincangan dilanjutkan dengan membawa dimensi analisis pemahaman makna melalui ilmu pragmatik. Pragmatik merupakan kajian tentang tafsiran ujaran dan cara pengetahuan bukan linguistik dimanfaatkan sewaktu berkomunikasi. Walau bagaimanapun, sebagai pengantar, hanya dua aspek penting makna ujaran dijelaskan, iaitu perlakuan pertuturan dan implikatur.

Selain indeks, buku ini turut menyertakan glosari yang sangat berguna kepada pembaca untuk mengetahui maksud sesuatu konsep linguistik dengan segera. Beberapa kelemahan pengeditan turut dikesani dalam buku ini iaitu kesalahan ejaan.

Selaras dengan skop dan aras pembicaraannya, buku ini bermanfaat dan sangat sesuai untuk penuntut linguistik atau pengajian bahasa di institusi pengajian tinggi yang ingin mengetahui dan memahami asas dan kerangka bahasan ilmu sintaksis dan semantik. Aspek asas pengajian struktur bahasa sebegini merupakan landasan penting dan berguna kepada penuntut apabila ingin meneroka dengan lanjut tentang bahasa melalui pendekatan lain, seperti fungsional, sosial, dan pascamoden mengikut silibus pengajian bahasa atau linguistik.

RUJUKAN

- Nik Safiah Karim, Fard M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2009. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa, 1990. *Sintaksis Bahasa Melayu: Suatu Huraian Berdasarkan Rumus Struktur Frasa*. Kuala Lumpur: Agensi Penerbitan Nusantara.
- Ramli Md Salleh, 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.